

D192

B 8974 DEB  
MAHATHIR - PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 20 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, MASA DEPAN NEGARA TERLETAK DI TANGAN RAKYAT DAN TERPULANGLAH KEPADA MEREKA UNTUK MEMBUAT PILIHAN SAMA ADA MAHUKAN MALAYSIA MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU, AMAN DAN DAMAI ATAU SEBALIKNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DASAR-DASAR KERAJAAN DIGUBALKAN SEMATA-MATA UNTUK KEBAIKAN RAKYAT DAN NEGARA TETAPI KEJAYAANNYA BERGANTUNG KEPADA RAKYAT SENDIRI.

KETIKA BERUCAP PADA PESTA LUMBA JALAN KAKI PERPADUAN DI SINI, BELIAU BERKATA, RAKYAT BERBILANG KAUM DI NEGARA INI MEMPUYAI HAK YANG SAMA DALAM MEMBUAT PENENTUAN SAMA ADA INGIN MELIHAT NEGARA INI TERUS MEMBANGUN, AMAN DAMAI DAN MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU.

PERKARA YANG PENTING BAGI MENCAPAIKAN MATLAMAT ITU IALAH PERPADUAN KAUM, KATANYA SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA +TANPA PERPADUAN, NEGARA TIDAK AKAN STABIL, PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN TIDAK DAPAT DIJALANKAN, PELABUR ASING TAKUT MELABUR DI NEGARA INI DAN NEGARA AKAN MUNDUR MANAKALA JUMLAH PENGANGGURAN MENINGKAT+. -- LAGI  
1200MST 20 03 88

B 8975 DEB  
MAHATHIR - PERPADUAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, SETIAP KAUM DI NEGARA INI PERLU LAH MEMAHAMI KEBUDAYAAN MASING-MASING AGAR SIKAP TOLERANSI KAUM DAPAT DIPERTINGKATKAN SUPAYA RAKYAT DAPAT HIDUP AMAN DAN DAMAI DI SAMPING BERUSAHA MEMAJUKAN NEGARA INI SEBAGAI SEBUAH NEGARA BARU PERINDUSTRIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN MALAYSIA MEMPUYAI POTENSI CERAH MENJADI SEBUAH NEGARA BARU PERINDUSTRIAN SEPERTI KOREA SELATAN, TAIWAN DAN SINGAPURA, JIKA RAKYAT MEMAHAMI SERTA SANGGUP MELAKSANAKAN DASAR-DASAR KERAJAAN.

MENGENAI PESTA ITU, BELIAU BERKATA, PESTA YANG MELIBATKAN SEMUA KAUM DI NEGARA INI HENDAKLAH DIJADIKAN TELADAN DAN DIADAKAN DI SELURUH NEGARA MEMANDANGKAN KEBELAKANGAN INI BANYAK ACARA YANG DIANJURKAN MELIBATKAN KAUM TERTENTU SAHAJA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MAHU SEMUA KAUM MENGIKIS ANGGAPAN BAHAWA +KAUM MEREKA SAHAJA YANG BAIK MANAKALA KAUM-KAUM LAIN TIDAK BAIK+.

ANGGAPAN ITU TIDAK BENAR, KATANYA SAMBIL MEMBERI CONTOH BAHAWA NEGARA YANG MEMPUYAI SATU KAUM PUN MENGALAMI MASALAH SEHINGGA MENCETUSKAN PEPERANGAN SAUDARA, RUSUHAN DAN MEMBUNUH SESAMA SENDIRI.

-- LAGI

1225MST 20 03 88

B 8976 DEB  
MAHATHIR - PERPADUAN 3 KUALA LUMPUR

+DALAM MANA-MANA KAUM, TENTU ADA SEGELINTIR YANG TIDAK BAIK DAN DALAM KAUM YANG DIANGGAPKAN TIDAK BAIK JUGA MEMPUYAI ORANG BAIK,+ KATANYA.

SEBELUM ITU, TIMBALAN MENTERI PERTANIAN, DATUK ALEX LEE YANG JUGA Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Pesta Itu, Berkata Acara Itu Bertujuan Menjalinkan Perpaduan Antara Kaum, Mempertingkatkan Semangat Kejiranan Serta Memupukkan Perasaan Kekitaan Terutama Di Kalangan Penduduk Kuala Lumpur. -- BERNAMA

1226MST 20 03 88